

7 MAR 1996

TAMAN HI-TECH KULIM -- SEBUAH BANDAR SAINS ASEAN

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

ALOR SETAR, 7 Mac (Bernama) -- Pada 18 Mac ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim yang sedang giat dibina di kawasan 100km di selatan bandar ini, dalam lingkungan kawasan yang pesat berkembang di Utara Semenanjung Malaysia.

Ia terletak di kawasan seluas 2,400 hektar yang begitu strategik untuk mengambil kesempatan daripada hubungan ekonomi di wilayah Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan sedang dimajukan sebagai daerah teknologi tinggi bersepadu yang menempatkan kilang-kilang yang menghasilkan keluaran yang menggunakan teknologi tercanggih.

Projek yang menelan belanja RM2 bilion itu, akan menjadi pusat pertumbuhan untuk bertindak sebagai pemangkin bagi perindustrian yang berorientasikan teknologi tinggi berbanding industri berintensif buruh sekarang.

Ia disasarkan sebagai pusat bagi galakan industri pembuatan teknologi tinggi dan yang terbabit dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) di samping kemudahan pengeluaran, atau hanya sebagai R&D sahaja.

"Taman ini sedia menjadi pusat terunggul bagi R&D dan industri-industri teknologi tinggi di rantau Asean," kata Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff, pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), pemilik taman perindustrian berkenaan.

Beliau memberitahu persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd, sebuah anak syarikat PKNK yang mengurus taman itu, bahawa projek itu diteruskan sebagai tindak balas kepada pentingnya industri teknologi nilai ditambah dan menghasilkan barangan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa agar daya saingan Malaysia di peringkat dunia dapat dikekalkan.

Apabila taman itu siap sepenuhnya pada 1999, ia akan mempunyai enam buah zon iaitu Zon Perindustrian Teknologi Tinggi, Zon Bandar, Zon Perumahan, Zon Rekreasi, Zon R&D dan Zon Institusi.

Taman itu akan dibangunkan dalam tiga fasa dengan kerja-kerja fasa pertama sudahpun bermula pada September 1993 dan akan siap tahun ini.

Zon Perindustrian Teknologi Tinggi akan mempunyai kemudahan perkilangan, pentadbiran dan kemudahan sokongan yang lain.

Zon Bandar pula akan mengandungi tiga bahagian, iaitu pusat bandar, pusat kecil dan pusat kejurangan. Pusat bandar itu dibahagikan kepada blok perindustrian bandar, pusat bandar khusus yang mengandungi kawasan perniagaan dan kawasan rekreasi.

Dalam Zon R&D akan terdapat sebuah universiti, sebuah politeknik, pusat kemajuan kemahiran dan pusat tekno.

Universiti akan menyediakan para profesional dan saintis yang terlatih untuk melaksanakan penyelidikan manakala politeknik pula akan menjadi institusi utama dalam menyediakan latihan sumber tenaga manusia dalam bidang separa profesional dan teknikal.

Pusat kemajuan kemahiran akan didirikan untuk meningkatkan kemahiran para pekerja yang terlatih manakala pusat tekno akan menawarkan kemudahan penyelidikan, makmal dan bilik-bilik pengujian, perkhidmatan komputer, dewan mesyuarat serta dewan persidangan, pusat konvensyen, dan bank maklumat serta perpustakaan.

Zon Perumahan akan menampung keperluan perumahan untuk kakitangan pengurusan dan pekerja manakala kemudahan rekreasi termasuk padang golf dan taman bunga.

Zon Institusi akan mengandungi kemudahan awam seperti balai bomba, balai polis dan masjid.

Setakat ini, 12 buah syarikat, kebanyakannya syarikat gergasi antarabangsa, telah komited untuk menempatkan kemudahan mereka yang membabitkan pelaburan melebihi RM11 bilion di taman itu.

Dua daripadanya telahpun memulakan pembinaannya. Intel Products (M) Sdn Bhd dijangka memulakan operasinya pada Oktober ini manakala Akashic Kubota Technologies Sdn Bhd yang mengeluarkan media cakera filem nipis dan pemacu cakera keras komputer pada November ini.

Kerajaan negeri juga telah mentauliahkan Universiti Sains Malaysia untuk menubuhkan Pusat Teknologi Maklumat bernilai RM13 juta yang akan menjadi tumpuan utama untuk kegiatan industri maklumat (IT) yang dapat mempertingkatkan kegunaan IT kepada industri tempatan, kerajaan dan badan berkanun.

Pusat itu akan dihubungkan dengan pusat IT USM dan dengan Internet menerusi Jaring.

Osman berkata sebaik saja kesemua kemudahan itu siap, taman itu akan menerajui kemasukan Malaysia ke dunia teknologi tinggi.

Beliau menaruh harapan taman itu akan menjadi Bandar Sains Asean, pusat kegiatan R&D dan sekaligus menyumbangkan ke arah strategi perindustrian negara dan wawasan 2020. -- BERNAMA

MFJ MA